



Sultan Nazrin berkenan lancar peletakan batu asas IPTTI dan URCC UPSI

Tanjong Malim, 24 April - Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat ke Majlis Peletakan Batu Asas bagi Institut Pendidikan Tahfiz dan Turath Islami (IPTTI) dan UPSI Residential and Community Centre (URCC) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Baginda menandatangani peletakan batu asas berkenaan di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City.

Naib Canselor UPSI, Prof Dato' Dr. Md Amin Md Taff dalam ucapan aluannya berkata IPTTI ditubuhkan bagi menjunjung hasrat Duli-Duli Tuanku yang cakna terhadap perkembangan dasar serta transformasi pendidikan tahfiz dan turath Islami yang selaras dengan perkembangan terkini. Dengan tajaan hampir RM14 juta dari Yayasan Rafulin dan pelbagai pihak, katanya, institut ini bakal menjadi sebuah institusi penyelidikan dan pendidikan antarabangsa yang merangka dasar-dasar terkini dalam bidang

tahfiz dan turath, mempelopori pedagogi yang berteraskan teknologi semasa, serta menjadi markas diskusi ilmu tahfiz dan turath di peringkat antarabangsa. IPTTI adalah penjenamaan semula Akademi Pondok Bitara yang bangunannya didirikan sepenuhnya menerusi dana wakaf melalui inisiatif Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat dan Sedekah (WEZAS UPSI).

Gagasan penubuhan IPTTI bermula dengan cetusan idea Mantan Naib Canselor UPSI, Allahyarham Prof Dr Zakaria Kasa untuk mewujudkan Akademi Pondok Bitara sebagai usaha untuk memperkasakan pendidikan pondok yang memberikan penekanan kepada Pendidikan Ilmu Turath (Kitab Kuning) dalam konteks pendidikan sepanjang hayat dan memberikan tempat kepada pelajar lepasan pondok yang mempunyai pencapaian cemerlang menerusi pensijilan yang akan ditawarkan. "Institut ini juga akan membantu pemuliharaan manuskrip dan kaedah pembelajaran kitab-kitab turath yang penulisannya mengikut tradisi ulamak terdahulu dari zaman imam-imam besar seperti Imam Shafie, Imam Malik, Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad, malah akan bekerjasama erat dengan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak yang sedang giat memulihara khazanah ulama nusantara."



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI Jalin Kerjasama Antarabangsa dengan Uzbek State University of Physical Culture and Sport

Tanjong Malim, 22 April- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK) telah menerima lawatan daripada delegasi Uzbek State University of Physical Culture and Sport (O'zDJTSU) dari Republik Uzbekistan pada 22 hingga 25 April 2024.

Seramai empat orang delegasi O'zDJTSU telah hadir pada sesi lawatan ini yang diketuai oleh Timbalan Rektor (Perhubungan Antarabangsa), Prof. Dr. Zarifbaev Djasur; Pengarah Bahagian

Pengurusan dan Pengajaran Sukan, Prof. Dr. Ziyadullaev Komil; Pengarah Bahagian Sukan Air, Prof. Dr. Matnazarov Khayrulla; dan Pengarah Bahagian Kerjasama Antarabangsa, Dr. Yoldoshev Mukhriddin.

Lawatan tiga hari ini bermula dengan sesi penerangan tentang program pengajian di FSSK yang disampaikan oleh Timbalan Dekan (Akademik Dan Antarabangsa) FSSK, Dr. Nur Haziyanti Mohamad Khalid.

Dekan FSSK, Dr Jaffry Zakaria menyatakan

“lawatan ini dapat mengeratkan hubungan kerjasama antara kedua dua buah universiti termasuk program inbound dan outbound yang akan dilaksanakan nanti”

Satu perjanjian Letter of Intent (LoI) telah dilaksanakan antara FSSK dan O'zDJTSU memfokuskan kepada pengurusan sukan dan jalinan kerjasama peringkat antarabangsa dalam bidang akademik dan penyelidikan yang turut disaksikan oleh Naib Canselor UPSI, Prof Dato' Dr. Md Amin Md Taff.

MOTAC dan UPSI jalin kerjasama teroka potensi seni visual tempatan

Tanjong Malim, 24 April- Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN), agensi di bawah Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) semalam menandatangani penyambungan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Majlis diadakan di Pentas Utama, perkarangan

Tapak Food Truck FBK, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI serentak dengan pelaksanaan Program Lestari Art 1.0 2024 anjuran Fakulti Seni Kelestarian dan Industri Kreatif, UPSI.

Memorandum ini ditandatangani oleh Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff, Naib Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Amerrudin Ahmad, Ketua

Pengarah Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara.

Ia disaksikan oleh Pendaftar UPSI, Helmi Zaifura Abdul Rahman serta Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, Alizam Hasan. Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan barisan Dekan.



UPSI, KEMENAG Indonesia meterai MoU perkukuh kerjasama dalam bidang pendidikan

Tanjong Malim, 19 April - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Direktorat Jenderal Pendidikan Islam, Kementerian Agama Indonesia (KEMENAG) telah menjalin satu perjanjian yang bersejarah dengan menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bagi memperkukuhkan kerjasama dalam bidang pendidikan, khususnya Pendidikan Islam. KEMENAG Indonesia memulakan hubungan baik ini dengan menjanjikan 40 pelajar terbaik untuk menyambung

pengajian peringkat Sarjana dalam bidang Pendidikan Islam di UPSI sekaligus menunjukkan keyakinan mereka terhadap kualiti pendidikan yang ditawarkan oleh UPSI. Naib Canselor UPSI, Profesor Dato' Dr. Md Amin Md Taff menyambut baik usaha KEMENAG Indonesia dan menyatakan komitmen beliau untuk menjayakan tanggungjawab besar ini dengan cemerlang. Beliau menyatakan, “Program Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam) ini

adalah merupakan program yang sangat disegani dan direbut pelbagai pihak, justeru itu pengambilan pelajar program ini pada setiap semester sangat memberansangkan.

Walaupun demikian, saya yakin dengan kebolehan pakar pendidikan kita untuk terus menjayakan program ini dan mengharapkan agar program ini terus mendapat sambutan, terutama daripada pihak negara sahabat kita selepas memeterai perjanjian ini.”

Pujuk masuk U! Kolaborasi MPP UPSI, UMS pupuk minat generasi muda sambung belajar ke menara gading!

Tanjong Malim, 18 April- FENOMENA kurangnya minat generasi muda melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi ekoran keinginan mencari pekerjaan mendorong Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak, berangkat ke Kota Kinabalu, Sabah untuk menjayakan Program MPP UPSI bersama MPP Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 13 hingga 16 Mac 2024.

Yang Dipertua MPP UPSI, Amirul Haiqal

Amirrudin Baki, berkata objektif program itu diadakan adalah untuk mempromosi dan menggalakkan pandangan mahasiswa yang boleh digunakan sebagai rujukan untuk penambahbaikan inisiatif daripada kerajaan. “Program ini dilaksanakan MPP sebagai menyahut seruan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir yang menyatakan Penyediaan Bakat Terbaik Negara dengan inisiatif menarik minat lebih ramai golongan muda untuk memasuki pendidikan

tinggi supaya mereka menjadi golongan profesional serta mengumpulkan pandangan mahasiswa yang boleh digunakan sebagai rujukan untuk penambahbaikan inisiatif daripada kerajaan.

“MPP UPSI melakukan kunjungan hormat ke MPP UMS bagi sesi perbincangan dua hala berkenaan cadangan sebagai rakan kolaborasi bagi Misi Kebajikan dan Pendidikan di Sabah dan sempat melakukan ‘townhall’ berkenaan Inisiatif Flysiswa.”

